



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO AHAD			
TARIKH	:	1/8/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	JPNS			

Kosmo Ahad, 1  
Ogos 2021\_11

# Pokok durian haram ditebang

**SHAH ALAM** – Jabatan Perhutanan Negeri Selangor memusnahkan 89 batang pokok daripada pelbagai spesies yang ditanam dalam kebun durian haram di Hutan Simpan Bukit Cherakah di sini baru-baru ini.

Pengarahnya, Datuk Ahmad Fadzil Abdul Majid berkata, tindakan itu susulan kegagalan pihak penceroboh selepas diberikan notis arahan dan memusnahkan tanaman, mengo-

song dan meruntuhkan binaan bangunan di kompartmen 14 hutan tersebut pada 12 Julai lalu.

Katanya, berdasarkan notis tindakan perlu dilakukan dalam tempoh dua minggu sehingga 26 Julai lalu.

“Susulan itu, semakan telah dilakukan dua hari selepas notis dikeluarkan dan mendapati sebahagian pokok yang disita juga telah dialihkan serta dimusnahkan, manakala sebahagian struk-

tur binaan bangunan juga telah dibuka oleh penceroboh.

Pasukan penguat kuasa kemudian telah sekali lagi melakukan semakan Rabu lalu iaitu dua hari selepas notis tersebut dengan mendapati masih terdapat saki baki pokok yang dianggarkan berjumlah 89 batang pokok daripada pelbagai spesies belum dialihkan atau dimusnahkan,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.